

# Pesta Pantun Integrasi Budaya martabat seni berpantun

**TRADISI.** Pesta Pantun Integrasi Budaya 2016 (PPIB 2016) telah berlangsung dengan jayanya di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor baru-baru ini.

Menurut penasihat PPIB 2016, Nor Adlyzan Theis, pertandingan yang menjadi acara terbesar dalam kalangan pencinta pantun seluruh Malaysia ini berjaya menghimpunkan 12 Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan 16 sekolah menengah seluruh negara.

"Lebih membanggakan apabila Universiti Hassanuddin, Makasar, Indonesia juga turut tampil menyertai pertandingan dan membuat persembahan khas parodi pantun pada majlis penutup yang berlangsung di Panggung Seni, UKM," ujarnya.

Tambah Adlyzan, pesta pantun ini telah memasuki tahun kelima pengajarannya



**PARA** peserta Pesta Pantun Integrasi Budaya 2016 bergambar selepas pertandingan tersebut di UKM Bangi baru-baru ini.

dengan penyertaan daripada 28 pasukan berbanding lapan pasukan pada tahun pertama penganjuran pesta itu.

Bagi kategori IPT, Universiti Sains Malaysia telah mengungguli takhta juara, manakala

UKM sebagai naib juara dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia menduduki tempat ketiga.

Untuk kategori Sekolah Menengah pula, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Song

dari Sarawak berjaya memperfahankan kejuaraan dua tahun berturut-turut apabila menewaskan SMK Tun Habab, Johor pada pertandingan akhir. Manakala SMK Tasek Utara, Johor mendapat tempat ketiga.